

SUBSIDI PETROL BERSASAR **DITANGGUHKAN**

Pelaksanaan Program Subsidi Petrol (PSP) yang dijadualkan bermula Januari 2020 ditangguhkan sehingga satu masa yang akan diumumkan kerajaan kemudian. Keputusan itu dibuat dalam mesyuarat Kabinet yang diadakan pada 18 Disember lalu.

MUKA 2 & 3

“Faktor pertama adalah bagi memberi ruang kepada kerajaan untuk meneruskan sesi penerangan dan penjelasan dengan tujuan memberi kefahaman dan mempersiapkan rakyat menerima pelaksanaan program PSP ini.”

- Kata Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail dalam satu kenyataan semalam.



Mekanisme subsidi bukan sebab PSP ditangguhkan, kata Saifuddin Nasution

SEBERANG PERAI - Kerajaan memberi jaminan Program Subsidi Petrol (PSP) akan dilaksanakan sebaik sahaja Kabinet berpuas hati dengan penerangan yang diberikan kepada rakyat.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail berkata, penangguhan itu memberi ruang kepada kerajaan untuk menggandakan usaha memberi penerangan.

"Saya telah membentangkan kertas cadangan mengenai PSP kepada Jemah Menteri, Kaedadah dan harga subsidi yang dicadangkan iaitu 28 hingga 30 sen setiap liter diterima. Bagaimanapun, Kabinet berpendapat rakyat tidak memahami sepenuhnya program beraikan dan wujud pelbagai persoalan dan kekeliruan.

"Ia perlu diperjelaskan secara komprehensif sebelum pelaksanaan namun tiada tempoh masa yang ditetapkan bagi proses penerangan itu," katanya kepada wartawan selepas menghadiri Program Kembali Ke Sekolah bersama

HARI : SELASA
TARIKH : 31/12/2019
M/SURAT : 2

Mydin di Pasaraya Mydin Bukit Meratajam di sini semalam.

Saifuddin Nasution bagaimanapun berkata, mekanisme subsidi yang dibangunkan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) sejak setahun lalu bukan sebab pelaksanaan program itu ditangguhkan.

"Tiada masalah dengan PSP ini kerana semuanya kita sudah lengkapkan. Kita sudah bangunkan sistem data perenerima lengkap dengan nombor akaun, kaedah bayaran. Malah kami juga sudah mengadakan simulasi bersama Jabatan Statistik tetapi kita terima keputusan Kabinet.

"Kita tidak kecewa dengan keputusan penangguhan PSP ini walaupun semua persiapan telah dilakukan sejak awal tahun ini. Semua pihak akan terus menikmati harga subsidi sedia ada iaitu 30 sen seliter bagi petrol RON95. Oleh itu, tiada mana-mana pihak yang patut kecewa atau rugi kerana masih menikmati harga subsidi kerajaan," katanya.